

147.

SOALAN NO: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH: 6 MAC 2018

SOALAN:

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada pelajar yang meminjam PTPK untuk belajar di institusi pendidikan vokasional (VET) boleh membatalkan pinjaman ataupun minta kurangkan bayaran balik sekiranya mereka gagal menamatkan pengajian ataupun rasa kesal untuk menyertai sesetengah kursus.

PR-1361-L05001

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) boleh membuat permohonan pembatalan pinjaman latihan kemahiran dengan PTPK. Ini adalah selaras dengan Seksyen 53, Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) yang menyatakan Pembatalan Kelulusan Pinjaman Latihan Kemahiran:

*"Mana-mana pinjaman yang diluluskan di bawah perenggan 48(a) boleh dibatalkan jika:*

- (a) Pemohon mohon untuk membatalkan pinjaman latihan kemahiran itu;*
- (b) Pemohon gagal mengemukakan perjanjian yang telah ditandatangani sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan;*
- (c) Pemohon gagal untuk mematuhi terma dan syarat kelulusan;*
- (d) Pemohon memberikan apa-apa maklumat yang diketahuinya palsu atau yang dia percaya adalah tidak benar, atau telah dengan sengaja menyembunyikan apa-apa fakta yang material, atau memberikan apa-apa maklumat yang mengelirukan;*

- (e) *Penerima pinjaman enggan atau gagal untuk mengikuti program latihan kemahiran; atau*
- (f) *Mana-mana alasan lain yang difikirkan munasabah oleh Perbadanan.”*

Tuan Yang Di Pertua,

2. Selain itu, penerima pinjaman yang tidak menamatkan program latihan kemahiran yang diluluskan hendaklah memulangkan baki pinjaman tersebut. Ini adalah bertepatan dengan Seksyen 55(1) dan Seksyen 56(d), Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) seperti berikut:

*“Penyedia Latihan (PL) bertanggungjawab memaklumkan kepada PTPK sekiranya Pelatih menamatkan latihan dan memulangkan semula baki pinjaman yang tidak layak diterima kepada PTPK. Pemulangan ini akan dikreditkan kepada lejar peminjam sekali gus mengurangkan jumlah pinjaman pelatih kepada PTPK.”*